



JKSM /100-24/5 Jld. 4 ( 29 )

29 Jamadilawwal, 1428H/  
15 Jun, 2007M

**Y.A.A Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah  
Negeri-negeri**

**Arahan Amalan No. 16 Tahun 2007**

**Gelaran-Gelaran Pegawai Mahkamah**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2007 pada 28hb. hingga 30 Rabiulawwal, 1428H bersamaan 16hb. hingga 18hb. April 2007 di Melaka dan pengesahan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawwal, 1428H bersamaan 11 Jun, 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan gelaran panggilan yang digunakan dalam mana-mana perbicaraan atau surat menyurat adalah seperti berikut :-

**(a) Dalam Perbicaraan**

i) Pengerusi Panel Rayuan Syariah	...	Yang Amat Arif
ii) Ketua Hakim Syarie Negeri	...	Yang Amat Arif
iii) Hakim Mahkamah Rayuan Syariah	...	Yang Arif
iv) Hakim Mahkamah Tinggi Syariah	...	Yang Arif
v) Hakim Mahkamah Rendah Syariah	...	Tuan Hakim
vi) Ketua Pendaftar/Pendaftar	...	Tuan/Puan Pendaftar
vii) Pendakwa Syarie/Peguam Syarie	...	Tuan/Puan Yg Bijaksana

**(b) Surat Menyurat**

i) Pengerusi Panel Rayuan Syariah	...	Yang Amat Arif
ii) Ketua Hakim Syarie Negeri	...	Yang Amat Arif

iii) Hakim Mahkamah Rayuan Syariah	...	Yang Arif
iv) Hakim Mahkamah Tinggi Syariah	...	Yang Arif
v) Hakim Mahkamah Rendah Syariah	...	Tuan Hakim
vi) Ketua Pendaftar/Pendaftar	...	Tuan/Puan Pendaftar
vii) Pendakwa Syarie/Peguam Syarie	...	Tuan/Puan
viii) Pegawai Sulh	...	Tuan/Puan
ix) Penolong Pendaftar	...	Tuan/Puan Penolong Pendaftar

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.



**(Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)**  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.  
PUTRAJAYA